



**KENYATAAN AKHBAR  
KETUA PENGARAH KESIHATAN  
SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI DAN ZIKA DI MALAYSIA**

(Bagi Minggu 41/2016 dari 9 hingga 15 Oktober 2016)

Secara umumnya kes Demam Denggi telah menunjukkan tren penurunan di seluruh negara untuk tempoh dua (2) minggu kebelakangan ini. Namun pada minggu ke-41 tahun 2016, iaitu dari 9 hingga 15 Oktober 2016, sebanyak 1,654 kes telah dilaporkan berbanding 1,550 kes pada minggu sebelumnya iaitu peningkatan sebanyak 104 kes (6.7%). Tujuh (7) negeri yang menunjukkan peningkatan kes berbanding minggu sebelumnya adalah Kedah, Pahang, Sabah, Johor, Selangor, WP Kuala Lumpur dan Putrajaya serta Sarawak. Jumlah kumulatif kes Demam Denggi dari Januari hingga 15 Oktober 2016 adalah 86,428 kes dan ini menunjukkan penurunan sebanyak 10.2% (9,794 kes) berbanding tempoh yang sama tahun 2015 yang telah melaporkan sebanyak 96,222 kes.

Pada minggu ke-41 juga terdapat tiga (3) kematian yang dilaporkan. Oleh itu, jumlah kumulatif kematian Denggi di Malaysia dari Januari sehingga 15 Oktober 2016 menunjukkan pengurangan sebanyak 26.6% (70 kematian), iaitu 193 kematian berbanding 263 kematian pada tahun 2015.

Selain itu, terdapat penurunan lokaliti wabak Denggi iaitu daripada 551 lokaliti pada minggu sebelumnya kepada 546 lokaliti wabak pada minggu ke-41 dengan peratusan penurunan 1.0%. Lokaliti hotspot juga menunjukkan penurunan daripada 79 lokaliti kepada 74 lokaliti iaitu di

Selangor (59 lokaliti), Kelantan (7 lokaliti), Johor (4 lokaliti) dan masing-masing satu (1) lokaliti di Perak, Pulau Pinang, WP Kuala Lumpur & Putrajaya dan Sabah.

Berdasarkan laporan situasi terkini penyakit Zika yang dikeluarkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) pada 13 Oktober 2016, terdapat sebanyak 73 buah negara yang melaporkan jangkitan Zika ketika ini. Bagi situasi di Malaysia pula, sebanyak tujuh (7) kes yang disahkan positif Zika telah dilaporkan dari 1 September 2016 sehingga 15 Oktober 2016. Pemantauan surveilans makmal oleh Makmal Kesihatan Awam Kebangsaan (MKAK) dan Institut Penyelidikan Perubatan (IMR) dari bulan Jun 2015 sehingga 15 Oktober 2016, turut mendapati keputusan ujian yang negatif bagi 1,380 sampel darah dan air kencing yang telah diuji daripada pesakit yang menunjukkan gejala virus Zika.

Untuk mencegah jangkitan Denggi dan Zika di negara ini, KKM ingin menasihatkan pihak masyarakat agar melakukan aktiviti cari dan musnah tempat-tempat pembiakan Aedes setiap minggu dan melakukan gotong-royong membersihkan kawasan persekitaran dengan kerjasama lain-lain jabatan dan agensi. Selain itu, amalan perlindungan diri adalah digalakkan seperti penggunaan repelen dan memakai pakaian cerah yang menutup anggota. **Tiada Aedes, Tiada Zika dan Denggi.**



**DATUK DR. NOOR HISHAM BIN ABDULLAH**  
Ketua Pengarah Kesihatan  
Kementerian Kesihatan Malaysia

**22 Oktober 2016**

**KES DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 41/2016  
(9 hingga 15 Oktober 2016)**

Bil.	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian di laporkan				Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 41/2016		Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 41/2015	
		Minggu 41 (9 Okt – 15 Okt 2016)		Minggu 40 (2 Okt – 8 Okt 2016)		Kes	Mati	Kes	Mati
		Kes	Mati	Kes	Mati				
1	Perlis	3	0	3	0	145	1	177	1
2	Kedah	16	0	9	0	785	2	745	11
3	P. Pinang	28	0	39	0	2,261	12	4,285	13
4	Perak	58	0	58	0	3,026	9	8,025	22
5	Selangor	785	0	712	1	44,759	66	51,452	105
6	WP KL & Putrajaya	188	0	179	0	7,320	16	6,565	31
7	N. Sembilan	55	1	69	1	2,305	23	1,827	12
8	Melaka	27	0	31	0	1,923	6	1,798	6
9	Johor	132	0	109	2	9,589	19	12,215	35
10	Pahang	89	0	52	0	2,262	7	2,185	9
11	Terengganu	16	0	20	0	1,849	15	947	3
12	Kelantan	139	1	174	0	4,947	9	2,272	6
13	Sarawak	44	0	43	0	2,250	6	1,592	3
14	Sabah	73	1	52	0	2,997	2	2,135	6
15	WP Labuan	1	0	0	0	10	0	2	0
	<b>MALAYSIA</b>	<b>1,654</b>	<b>3</b>	<b>1,550</b>	<b>4</b>	<b>86,428</b>	<b>193</b>	<b>96,222</b>	<b>263</b>

\* Sumber : Bilik Gerakan Denggi Kebangsaan

Lampiran B

SENARAI LOKALITI “HOT SPOT” SEHINGGA 15 OKTOBER 2016 (Mg 41)

Bil	Negeri	Daerah/Zon/ PBT	Lokaliti	Jumlah Kes	Tempoh Wabak Berlaku (Hari)
1	SELANGOR	Petaling	Pjs 9 /1(Lagoon Perdana & Rumah Kedai)	336	382
2	SELANGOR	Petaling	Seksyen 7 (Flat D : Blok 52 - 58)	42	130
3	SELANGOR	Petaling	Tmn Serdang Perdana Sp 5 (Sky Villa, Kesidang & Rumah Kedai)	47	121
4	SELANGOR	Petaling	Seksyen U5 ( Pangsapuri Mutiara Subang : Blok 1 - 7 )	32	117
5	SELANGOR	Petaling	Tmn Lestari Putra (Lep 7 - Rumah Kedai)	62	111
6	SELANGOR	Hulu Langat	Taman Alam Jaya	32	100
7	SELANGOR	Petaling	Sri Ss 6 Kompleks Kediaman Kastam	74	99
8	SELANGOR	Petaling	Tmn Lestari Putra (Lep 6)	78	93
9	SELANGOR	Petaling	Kd Pju 5 Seksyen 6 Gugusan Tanjung	49	81
10	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Lagenda Taman Lagenda Mas	17	80
11	SELANGOR	Gombak	Kepong Central Condo	18	77
12	SELANGOR	Petaling	Seksyen 7 (Flat B : Blok 13 - 37)	29	74
13	SELANGOR	Petaling	Kota Perdana Kp 4 (Mawar Jaya)	9	74
14	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Bm 6/A Bandar Bukit Mahkota	20	71
15	KELANTAN	Kota Bharu	Chempaka	48	67

16	SELANGOR	Gombak	Tmn Melawati ( C )	19	65
17	SELANGOR	Petaling	Tmn Lestari Putra (Lep 5)	12	65
18	WPKL	Cheras	Kem Sg.Besi (Jalan Labuan)	26	65
19	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan 1 Taman Cuepacs Batu 12	35	63
20	JOHOR	Johor Bharu	Ciq Gelang Patah	19	59
21	SELANGOR	Hulu Langat	Taman Sri Bahagia	15	58
22	SELANGOR	Hulu Langat	Appt Angsana Pandan Indah	13	57
23	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Tps 3 Taman Pelangi Semenyih	11	57
24	KELANTAN	Kota Bharu	Pulong	37	56
25	SELANGOR	Petaling	Seksyen U2 Teres B ( Jln U2/2-U2/13 )	24	55
26	SELANGOR	Petaling	Bdr Kinrara 6f (Enggang Apt)	23	55
27	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Perdana 6/2,6/4,6/6,6/8&6/10 Pandan Perdana	8	55
28	SELANGOR	Petaling	Seksyen 24 ( Flat J : Blok 79 - 84 )	23	54
29	SELANGOR	Petaling	Seksyen 7 (Flat A : Blok 1 - 12, Blok 38 - 43)	19	54
30	SELANGOR	Petaling	Kd Pju 5 Seksyen 6	16	54
31	KELANTAN	Kota Bharu	Taman Sri Aman	18	54
32	KELANTAN	Kota Bharu	Telok Baru 2	26	54
33	PERAK	Kinta	Kg Sg Tapah Tambahan	11	52
34	SELANGOR	Hulu Langat	Flat Aa-Am Pandan Indah	19	52
35	SELANGOR	Petaling	BI Pju 8 Apt Flora Damansara 1 ( Blok A, B )	11	52
36	KELANTAN	Kota Bharu	Chempaka 2	29	52
37	SELANGOR	Gombak	Kg Pasir Ulu Klang	13	51
38	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Puncak 5 Taman Puncak Saujana	30	51

39	SELANGOR	Petaling	BI Pju 10 Apt Rampai Idaman	9	51
40	SELANGOR	Petaling	Seksyen U5 ( Subang Bestari Teres A : Jln U5/47 - U5/62 )	13	50
41	SELANGOR	Hulu Langat	Kuis	7	50
42	SELANGOR	Hulu Langat	Appt Taman Desa Serdang	9	46
43	SELANGOR	Gombak	Appt Residensi Bistaria	10	43
44	JOHOR	Johor Bharu	Tmn Cahaya Masai_Jln Intan	9	43
45	KELANTAN	Kota Bharu	Bandar Baru	14	42
46	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Impian Indah Saujana Impian	10	41
47	SELANGOR	Hulu Langat	Seksyen 6 Bandar Rinching	12	41
48	SELANGOR	Hulu Langat	Venice Hill Condominium	21	40
49	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan 2 Taman Cuepacs Batu 12	18	40
50	SELANGOR	Hulu Langat	Kem Pga Batu 7 Cheras	5	38
51	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Sutera 2 Taman Sutera	8	38
52	SELANGOR	Petaling	Seri Kembangan 13	8	38
53	SELANGOR	Petaling	Tmn Universiti Indah 1 (Jln Indah 1/11 - 1/29 - No. Ganjil)	13	38
54	SELANGOR	Sepang	Mutiara Ville Cyberjaya	14	38
55	SELANGOR	Petaling	Tmn Tasik Prima 3	11	37
56	SELANGOR	Petaling	Seksyen U18 ( Kg Sg Plong )	5	37
57	SELANGOR	Hulu Langat	Taman Berjaya	12	37
58	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Medan Seksyen 9 Bandar Baru Bangi	5	35
59	P. PINANG	Barat Daya	D'piazza Condominium	17	35
60	SELANGOR	Petaling	Seksyen U5 ( Mutiara Subang Kaw Perindustrian A : Jln U5/11- U5/17&U5/1-U5/2)	14	35
61	SELANGOR	Petaling	BI Pju 7 Mutiara Damansara ( Teres A : Jln 7/8 - 7/12 )	8	34
62	SELANGOR	Petaling	Tmn Bkt Serdang 11	6	34

63	JOHOR	Johor Bharu	Tmn Bukit Dahlia_Jalan Sejangbak	5	34
64	KELANTAN	Kota Bharu	Padang Bongor	14	34
65	SELANGOR	Petaling	Seksyen 2	6	33
66	SELANGOR	Petaling	Tmn Sg. Besi Indah 2	6	33
67	JOHOR	Johor Bharu	Tmn Kota Masai_Jln Pulasan 1-26	11	33
68	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Anggerik-Exora Taman Bukit Belimbing	9	32
69	SELANGOR	Petaling	BI Pju 10 Apt Harmoni 2 ( D,E,F,G,H,J,K,T,S,R )	13	32
70	SELANGOR	Petaling	Kd Pju 5 Seksyen 7 : Teres	7	32
71	SELANGOR	Petaling	Kota Perdana (Jln Kp 1)	4	32
72	SABAH	Tawau	Taman Emas	5	32
73	SELANGOR	Petaling	Seksyen U10 ( Alam Budiman : Jln U10/68 - U10/77b )	5	31
74	SELANGOR	Petaling	Seksyen U5 ( Nusa Subang : Jln U5/105 - U5/112b )	6	31